

Abdullah, Mahathir ganding bahu kemuka pendapat

Bercakap mengenai pengalaman program penswastaan di Malaysia

BH - 13/11/2005

Kadir Dikoh di Maseru, Lesotho



PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr Mahathir Mohamad berganding bahu dalam membincangkan secara khusus mengenai hubungan sektor swasta dengan kerajaan pada satu sesi Dialog Global Antarabangsa Selatan Afrika 2005 (SAID-2005) di sini, semalam.

Kedua-dua pemimpin utama yang tidak asing kepada peserta dialog antarabangsa itu bercakap mengenai pengalaman program penswastaan di Malaysia untuk dikongsi bersama pemimpin negara peserta yang hadir pada SAID kali ini yang berakhir semalam.

Abdullah berkata, beliau dan Dr Mahathir bercakap mengenai perka-

ra itu berasaskan kepada perspektif Kuala Lumpur dan mendapati sesetengah negara lain sukar melaksanakannya kerana pelbagai halangan tersendiri.

"Nampaknya dalam hal ini, penswastaan tidak boleh dijadikan sebagai satu-satunya pendekatan untuk memajukan ekonomi, dan ia bukan jawapan kepada masalah yang ada kaitan dengan ekonomi.

"Itu adalah perkara yang ditekankan oleh Tun Mahathir yang bercakap mengenai pelaksanaan dan masalah. Tun menerangkan kepada mereka bahawa penswastaan itu mesti berupa penswastaan yang memberi manfaat kepada rakyat," katanya pada sidang akhbar yang dihadiri wartawan Malaysia di sini sebelum berlepas pulang ke tanah air.

Sesi bertajuk 'Melakukan yang terbaik dan baik - Penswastaan/Kerajaan dan Hadnya' itu dipengerusikan Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha

Bethuel Mosisili.

Dalam sesi sebelum itu, Abdullah menjadi pemudah cara dalam perbincangan bertajuk 'Rangkaian kerja menerusi dialog: Generasi akan datang - Mimpi atau Igauan'.

Seramai 300 peserta terbabit dalam dialog empat hari itu yang bermula Selasa lalu, dengan tema "Ke Arah Dunia yang Lebih Bijak: Mencari Sumber Pertumbuhan Melalui Perkongsian Pintar".

Abdullah yang mengetuai delegasi Malaysia seramai 70 peserta, berkata peranan kerajaan dalam syarikat yang diswastakan itu menjadi perkara penting, kerana ada perkara yang akan diambil alih oleh syarikat yang sudah diswastakan itu, mempunyai kaitan dengan kepentingan rakyat.

Bagaimanapun katanya, beberapa pandangan lain dikemukakan oleh sebilangan peserta dan di sesetengah negara, projek penswastaan terutama dalam sektor perkhidmatan di-

beri kepada syarikat asing kerana ketiadaan keupayaan syarikat tempatan.

Beliau berkata, ini menimbulkan masalah mengenai bagaimana kerajaan untuk campur tangan kerana kerajaan perlu memberi perhatian jika tindakan itu memberi kesan tidak baik kepada rakyat di negara terbabit.

Turut dibincangkan ialah mengenai isu antarabangsa, krisis ekonomi disebabkan faktor di luar kawalan kerajaan seperti masalah selesema burung yang memerlukan tindakan bersama secara muafakat di antara negara jiran.

Mengenai sesi dialog berkaitan generasi muda, Abdullah berkata golongan muda sebagai harta penting negara mesti diberi latihan dan pelajaran secukupnya di samping dibekalkan dengan kemahiran tertentu seperti kemahiran teknikal, keusahawanan dan kepemimpinan.

"Di samping itu juga, pengangguaran menjadi satu masalah besar dan di sini latihan dan pendidikan perlu diberi keutamaan bagi membolehkan mereka membuat pekerjaan sendiri serta tidak mengharap untuk mendapat jawatan.

"Saya juga menekankan bahawa latihan untuk menerapkan nilai yang baik di kalangan generasi muda perlu diberi penekanan seperti nilai tanggungjawab, amanah dan disiplin," katanya.

Abdullah juga menganggap dialog itu sebagai berjaya seperti diharapkan kerana matlamat pertama dapat dipenuhi iaitu berkongsi pengalaman berkaitan dengan pembangunan negara masing-masing.

Kedua katanya adalah percambahan pemikiran, idea tentang pelbagai aspek pembangunan yang menjadi tajuk untuk perbincangan dalam dialog itu bertujuan mengeratkan lagi kerjasama dan muafakat.